



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 1 TAHUN 2003**

*Kadar Bayaran Bagi Jamuan Majlis Rasmi Dan
Keraian Oleh Jabatan Kerajaan Negeri*

Tujuan

1. Surat pekeliling ini ialah untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi menetapkan jenis dan kadar jamuan untuk Majlis Rasmi dan jamuan keraian oleh Jabatan Kerajaan Negeri.

Tafsiran

2. Tafsiran jamuan rasmi yang boleh dikenakan perbelanjaan dari peruntukan di bawah Objek Sebagai 29000 adalah seperti berikut :-
 - 2.1. Jamuan Majlis Rasmi bagi meraikan pembesar negara, persidangan peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri.
 - 2.2. Jamuan Keraian Pejabat bagi menyediakan makan/minum mesyuarat, seminar, kursus dan lain-lain majlis peringkat Jabatan.

Syarat-syarat

3. Syarat-syarat Jamuan Majlis Rasmi / Jamuan Keraian Pejabat adalah seperti berikut :-
 - 3.1. **Majlis Rasmi :**
 - 3.1.1. Jamuan bagi meraikan lawatan pembesar luar negara/dalam negara, majlis pelancaran dan penutupan program peringkat antarabangsa / kebangsaan / negeri, persidangan peringkat antarabangsa/ kebangsaan / negeri.

3.2. Keraian Pejabat :

- 3.2.1. Jamuan mesyuarat, persidangan, kursus, sambutan hari Q dan seumpanya.**

Kadar Jamuan

- 4. Kadar jamuan bagi Majlis Rasmi dan Keraian Pejabat ditetapkan seperti berikut :-**

4.1. Kadar Jamuan Majlis Rasmi :

4.1.1. Jamuan makan tengahari / malam yang diadakan di hotel pada kadar RM25.00 net seorang;

4.1.2. Jamuan minum pagi/petang yang diadakan di hotel pada kadar RM8.00 net seorang;

4.1.3. Jamuan makan tengahari / malam yang diadakan di luar hotel pada kadar RM10.00 seorang dan pada kadar RM15.00 seorang bagi meja VVIP seperti TYT dan Ketua Menteri; dan

4.1.4. Jamuan minum pagi/petang yang diadakan diluar hotel pada kadar RM5.00 seorang dan pada kadar RM8.00 seorang bagi meja VVIP seperti TYT dan Ketua Menteri.

4.2. Kadar Jamuan Keraian Pejabat :

- 4.2.1. Jamuan makan tengahari / malam pada kadar RM8.00 seorang;**
- 4.2.2. Jamuan makan/minum mesyuarat pada kadar RM3.00 seorang; dan**
- 4.2.3. Jamuan makan minum pagi/petang meraikan pelawat, tertamu dalam negeri pada kadar RM3.00 seorang.**

Persembahan Kebudayaan

5. Persembahan kumpulan kebudayaan boleh dibenarkan hanya bagi jamuan rasmi meraikan pembesar luar negara/dalam negara, persidangan peringkat antarabangsa/kebangsaan yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Tarikh Kuatkuasa

6. Peraturan ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.

Pembatalan

7. Dengan ini Surat Pekeliling Kewangan Bil. 11 Tahun 1992 bertarikh 16 Disember 1992 adalah dibatalkan.

ABDUL HANAN BIN ALANG ENDUT
Pegawai Kewangan Negeri,
Pulau Pinang.

Tarikh : Januari 2003.

s.k. YAB. Tan Sri Ketua Menteri,
Pulau Pinang.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Pulau Pinang.